

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) bilakah semakan skim gaji minimum khususnya terhadap kakitangan awam akan diadakan; dan
- (b) sama ada paras yang dicadangkan iaitu RM1,200 telah dikaji sepenuhnya demi menjamin kelangsungan kehidupan kakitangan terbabit khususnya dalam konteks ekonomi pada hari ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menjalankan kajian dan semakan terhadap gaji penjawat awam secara keseluruhannya. Kajian turut meliputi gaji minima penjawat awam termasuk cadangan gaji minima sebanyak RM1,200.00 sebulan. Namun begitu, pelaksanaan hasil kajian adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.